



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

SYARIKAT TEALIVE SAHUT KEMPEN "JOM KOSONG" OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

PUTRAJAYA, 19 November 2024 –Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini telah menghadiri dan merasmikan Kempen Jom Kosong di premis Tealive, Menara KPDN Putrajaya. Kempen Jom Kosong ini merupakan inisiatif yang diwujudkan oleh KPDN bersama-sama pemain industri sektor makanan dan minuman bagi menyokong Kempen “Perangi Gula” yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 September 2024 yang lalu.

Kempen yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada rakyat untuk menjaga kesihatan daripada penyakit yang berpunca daripada pengambilan gula berlebihan yang menyumbang kepada peningkatan kes penyakit obesiti dalam kalangan rakyat. Kajian terkini oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mengambil 26 sudu teh gula setiap hari, melebihi tiga kali ganda daripada saranan *World Health Organisation* iaitu 6 sudu teh sehari.

Kempen Jom Kosong ini merupakan *Private Driven Initiatives* daripada pemain industri sektor makanan dan minuman tanpa melibatkan sebarang peruntukan insentif daripada Kerajaan. Pengusaha makanan digalakkan untuk menawarkan pengurangan harga bagi minuman tanpa gula sehingga 20 sen bagi tujuan menggalakkan pelanggan untuk memilih minuman tanpa gula. Dalam hal ini, KPDN turut menjalinkan kerjasama dengan pemain industri sektor makanan dan minuman dan peruncitan seperti Small And Medium Enterprises Association (SAMENTA), Persatuan Pengusaha

Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS), Persatuan Sahabat Tom Yam Prihatin Semalaysia, Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association (MSCSPGA), Malaysia Retail Chain Association (MRCA), Malaysia Retailers Association (MRA) dan Federation of Malaysian Business Association (FMBA).

Susulan daripada kerjasama sinergi antara KPDM dan pemain industri, Kempen Jom Kosong ini telah berjaya menarik kerjasama bersama sebuah jenama minuman tempatan yang terkenal iaitu Tealive. Pada hari ini, Tealive telah menjadi jenama minuman tempatan yang pertama yang menyahut Kempen Jom Kosong di negara ini. Sejumlah 20 sen bagi setiap cawan minuman yang terjual di bawah Kempen Jom Kosong akan disumbangkan kepada Tabung Bantuan Makanan Sekolah Tealive yang seterusnya akan disalurkan ke Yayasan Didik Negara untuk menyediakan makanan sekolah percuma kepada pelajar kategori B40.

Tealive turut menyasarkan untuk mengumpul RM3.5 juta dalam tempoh setahun bagi membiayai satu juta hidangan kepada pelajar-pelajar tersebut. Usaha murni ini akan turut menggalakkan rakyat untuk mengurangkan pengambilan gula selain turut menyumbang kepada kebajikan kanak-kanak yang memerlukan.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui e-mel kepada spip@kpdn.gov.my.

YB SENATOR DR. FUZIAH SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###